

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2009/2010**

**NAMA MATA PELAJARAN : PENGURUSAN
KOKURIKULUM**

KOD MATAPELAJARAN : BBE 3112

**KURSUS : SARJANA MUDA
PENDIDIKAN TEKNIK DAN
VOKASIONAL**

TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2009

JANGKAMASA : 2 JAM

**ARAHAN : JAWAB LIMA SOALAN
SAHAJA**

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TIGA MUKA SURAT

SULIT

- S1 Mengikut peraturan mesyuarat, Mesyuarat Agung hendaklah diadakan secepat mungkin oleh sesebuah persatuan tanpa mengira pertubuhan itu besar atau kecil setelah berakhir tahun kewangan pertubuhan itu setiap tahun.
- (a) Senaraikan perkara-perkara yang perlu dilakukan sebelum, semasa dan selepas Mesyuarat Agung dijalankan. (10 markah)
- (b) Jelaskan apakah perkara-perkara yang perlu dicatatkan di dalam minit Mesyuarat Agung. (10 markah)
- S2 *Post mortem* perlu diadakan selepas sesuatu aktiviti atau acara dijalankan.
- (a) Senaraikan dokumen-dokumen yang perlu disediakan sebelum mengadakan *post mortem*. (10 markah)
- (b) Huraikan kepentingan mengadakan *post mortem*. (10 markah)
- S3 Cikgu Amri telah dilantik sebagai salah seorang ahli jawatankuasa protokol bagi acara Malam Anugerah Pelajar Cemerlang 2009. Salah satu daripada tugas beliau adalah menyediakan buku program.
- (a) Senaraikan perkara-perkara yang perlu dimasukkan ke dalam buku program tersebut. (10 markah)
- (b) Bincangkan bagaimanakah perkara-perkara yang dinyatakan dalam S3(a) boleh membantu melancarkan perjalanan majlis Malam Anugerah Pelajar Cemerlang tersebut? (10 markah)

- S4 Semasa Sukan Tahunan Sekolah Menengah Teknik Tun Hussein Onn diadakan salah seorang peserta acara larian 100 meter telah jatuh dan mengalami kecederaan yang serius.
- (a) Sebagai seorang ahli jawatankuasa pertolongan cemas, jelaskan apakah tindakan yang perlu diambil?
(10 markah)
- (b) Huraikan apakah langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil ketika acara Sukan Tahunan Sekolah diadakan?
(10 markah)
- S5 Sebagai Pengerusi Kelab Kembara Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Hussein Onn. Kelab anda ingin mengadakan aktiviti perkhemahan tiga hari dua malam di Gunung Ledang. Namun begitu, pihak pengurusan tertinggi sekolah telah mengeluarkan pekeliling bahawa pelajar tidak dibenarkan mengadakan aktiviti di luar sekolah atas alasan wabak influenza H1N1 yang sedang menular. Apakah tindakan anda dan berikan rasional terhadap tindakan tersebut.
(20 markah)
- S6 Kertas kerja merupakan satu laporan perancangan bagi aktiviti yang bakal dilakukan oleh kelab ataupun persatuan. Cadangkan satu kertas kerja bagi mengadakan Program Perkhemahan Tahunan Gunung Tebu, Besut, Terengganu pada 5-6 Disember 2009 anjuran Kelab Sarjana Muda PTV.
(20 markah)
- S7 Fauzan merupakan seorang pelajar yang aktif dalam kegiatan kokurikulum. Dia merupakan pengerusi Kelab Badminton, Exco Kebajikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan setiausaha bagi Unit Koperasi Universiti. Dia juga merupakan seorang pemimpin yang berdedikasi dan berkarisma. Malangnya, status akademiknya adalah dalam lingkungan Kedudukan Bersyarat (KS) selama dua semester.
- Pada pendapat anda, sejauh manakah kebenaran kenyataan bahawa kokurikulum penjana ke arah keseimbangan pelajar dapat diterima dalam kalangan pelajar, guru, ibu bapa dan masyarakat. Berikan ulasan anda berdasarkan kes Fauzan di atas.
(20 markah)